

Golorigan kelirukan kenyataan Dr. Mahathir dibidas

UM 17 JUN 2000
HULU TERENGGANU 16 Jun —
Timbalan Perdana Menteri. Datuk
Seri Abdullah Ahmad Badawi membidas
golongan yang cuba memfitnah
Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ma-
hathir Mohamad apabila memetik se-
dikit kenyataan beliau bagi mengeliru-
kan orang ramai.

Katanya, ucapan Perdana Menteri
pada Perhimpunan Agung UMNO
baru-baru ini adalah ditujukan kepada
pembangkang yang berkempen supaya
masyarakat tidak perlu berterima ka-
sih kepada pemimpin.

“Tindakan itu merupakan fitnah
seratus peratus, mereka memetik apa
yang Dr. Mahathir cakap sedikit saha-
ja.

“Dr. Mahathir sebut dalam ucapan-
nya ada pembangkang mengajar ja-
ngan berterima kasih kepada manusia
dan cuma bersyukur kepada Allah.

“Perdana Menteri sebenarnya bim-
bang kalau orang ikut ajaran ini nanti

Rasulullah s.a.w. yang juga seorang
manusia, orang tidak akan berterima
kasih kepada baginda,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ber-
ucap melancarkan perkhidmatan soko-
ngan kesihatan Padi Beras Nasional
(Bernas) di Hospital Hulu Terengganu,
di sini petang ini.

Sehubungan itu beliau menasihati-
kan orang ramai supaya berhati-hati
menerima khabar berita yang meragu-
kan kerana akan membawa kesan
yang buruk ke dalam masyarakat.

Abdullah menjelaskan, ajaran supaa-
ya tidak berterima kasih kepada pe-
mimpin atau orang yang berbudi itu
adalah menyimpang daripada adat
kesopanan dan akhlak sebagai seorang
yang beragama Islam.

Kata beliau, usaha yang dilakukan
oleh Bernas contohnya merupakan
usaha yang baik dan orang ramai patut
berterima kasih kepada mereka.